

22/06/2001

`Usah biar presiden berjuang sendirian'

KUALA LUMPUR, Khamis - Perwakilan meminta pemimpin Umno jangan membiarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersendirian menghadapi pembangkang, sebaliknya perlu sama-sama memikul tanggungjawab itu bagi menangkis serangan mereka dan dakwah.

Wakil Umno Selangor, Datuk Mufti Shuib, berkata pengemblengan tenaga itu perlu kerana setakat ini hanya Presiden Umno seorang dilihat menjawab serangan pembangkang seperti isu mengkafir dan tuduhan Umno menolak Islam.

"Kita mempunyai jeneral, kolonel dan tentera yang perlu menjawab segala tohmahan itu.

"Kita tidak harus minta dan membiarkan Presiden juga pergi berperang dengan pembangkang," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

Mufti yang juga Ketua Umno Bahagian Ampang Jaya berkata, pembangkang sentiasa mengambil kesempatan daripada kelemahan Umno untuk memburukkan parti dan mempengaruhi generasi muda supaya menyokong mereka.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan perwakilan jika Umno yang terbukti berjaya mengangkat martabat bangsa diabaikan, masa depan orang Melayu akan turut terugat.

"Kita perlu beritahu orang Melayu bahawa segala dakwaan Pas bahawa mereka akan melaksanakan pelbagai tuntutan Islam, adalah iklan semata-mata tetapi secara realiti tidak benar," katanya.

Sementara itu, wakil Umno Pulau Pinang, Zin Omar, meminta Majlis Tertinggi (MT) merancang satu program terbaik untuk dilancarkan di peringkat cawangan dan bahagian bagi memperkukuhkan parti itu dalam menghadapi tohmahan Pas.

"Pas menggunakan agama begitu kuat sejak dulu lagi tapi lebih ketara sekarang.

"Persediaan kita untuk menangkis dan memberi hujah hal ehwal agama tidak cukup di kalangan Umno...jadi kita kena terima kenyataan.

"Jadi apa perlu kita buat? Saya berharap sangat di kalangan pucuk pimpinan supaya perkara ini diambil serius. Kita adakan kepimpinan yang berwibawa untuk menangkis atau menentang pihak lawan supaya orang yang duduk di atas pagar dapat memberi perhatian kepada kita," katanya.

(END)